



UMP menang pingat emas dan anugerah khas dalam EUROINVENT 2012

Universiti Malaysia Pahang (UMP) menjulang nama di peringkat antarabangsa apabila empat mahasiswa UMP berjaya membawa pulang kemenangan dengan meraih tiga pingat emas dan satu perak serta kesemuanya membolot anugerah khas dalam *European Exhibition of Creativity and Innovation 2012 (EUROINVENT)* pada 12 Mei 2012 yang lalu di Romania.

Pertandingan itu disertai lebih 20 negara dengan 280 hasil produk penyelidikan.

Lebih membanggakan, UMP dianugerahkan anugerah khas atas pencapaian yang cemerlang mahasiswa tahun akhir dalam menghasilkan produk penyelidikan yang dipamerkan.

Mereka yang berjaya adalah Muhammad Iqram Zulkifli daripada Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA); Lee Hua Chyn

dari Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA); Wong Ying Yin daripada Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP) dan Norazura Abdul Halim daripada Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE).

Pingat emas pertama dinobatkan kepada Muhammad Iqram menerusi projek penyelidikannya bertajuk *Integrated Palm Oil Ash (I-POA): As Filter Media, Treatment For Industrial Wastewater*.

Penyelidikan beliau menghasilkan penapis yang diperbuat daripada hasil bahan buangan pembakaran sawit dalam merawat hasil buangan industri sawit ini berjaya membawa pulang anugerah khas *Korea Invention Association Award*, malah penyelidikannya turut berjaya menarik hati juri apabila dinobatkan pemenang Anugerah Khas Croatia.

Pingat emas kedua milik Lee Hua Chyn menerusi projek *Development of Ultrasonic Assisted Membrane Anaerobic System (UAMAS) for Palm Oil Mill Effluent (POME) Treatment* juga menerima anugerah khas *Asia Invention Creativity Association*.

Penyelidikan yang dijalankan bersama rakannya, Yap Wai Mun dan Chew Bee Tin dapat merawat sisa kilang sawit menggunakan membran (UMAS) berbanding kaedah konvensional yang menggunakan sistem kolam ataupun tangki terbuka di kilang-kilang sawit.

Pingat emas seterusnya dianugerahkan buat Wong Ying Yin yang berjaya menghasilkan projek penyelidikan bertajuk

Smart Online Electrical Billing Management System using GSM.

Sistem ini menemui kaedah pintar dalam membantu mendapatkan data penggunaan elektrik melalui GSM tanpa memerlukan pemeriksaan staf untuk mengumpul data dari rumah ke rumah. Hasil kajian ini juga berjaya menerima anugerah khas *Asia Invention Creativity Association*.

Manakala Norazura Abdul Halim pula berjaya memenangi pingat perak dan pingat khas dengan penyelidikannya *Detection and Summation of Pus Cells for Sputum Quality Testing* dalam memperkenalkan proses imej bagi menentukan keputusan pemeriksaan terhadap sel kahak lebih tepat bagi mengenal pasti penyakit yang mengaitkan paru-paru.

Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin berkata, pihak universiti berbangga dengan pencapaian pelajar ini yang berjaya mencipta nama di persada antarabangsa.

"UMP mendasarkan antara lima hingga sepuluh projek pada tahun ini untuk dipertandingkan di peringkat antarabangsa bagi meningkatkan budaya inovasi dan reka cipta di kalangan mahasiswa tahun akhir," katanya semasa bertemu dengan pemenang baru-baru ini.

Katanya, selain menceburi bidang penyelidikan, mahasiswa UMP juga gigih dalam menyertai program inovasi termasuk penyertaan dalam pertandingan Perodua Eco-Challenge dan sebagainya.